



Siaran **AKHBAR** KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (59) 02/07

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DALAM PROGRAM PEDULI VETERAN DI SEKITAR NEGERI KEDAH

KEDAH, 7 Jul 23 - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan hari ini telah melaksanakan Program Peduli Veteran (PPV) di sekitar negeri Kedah yang turut diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), YBrs Encik Sophian Isswandy bin Ismail.

Dalam program PPV kali ini, YB Adly telah menyantuni veteran-veteran ATM di sekitar negeri Kedah. Program ini merupakan salah satu manifestasi Kementerian Pertahanan dalam memastikan agenda kebajikan Veteran ATM dan tanggungannya sentiasa diutamakan. PPV yang dilaksanakan ini merangkumi lawatan kebajikan ke atas veteran ATM dan isteri yang sedang menerima rawatan dialisis, veteran yang mengalami sakit kritikal dan mempunyai anak Orang Kelainan Upaya (OKU). Selain bertanya khabar, turut diselitkan penyampaian sumbangan sagu hati dan bakul makanan kepada veteran yang diziarahi. Pada masa yang sama, Timbalan Menteri Pertahanan juga tidak melepaskan peluang mengunjungi usahawan veteran ATM yang berjaya di dalam bidang usahawan yang diceburi dan turut menyerahkan *plaque* penghargaan kepada usahawan yang dilawati .

Lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan kali ini dimulai dengan mengunjungi Pusat Rawatan Dialisis Amal Afiat Sdn Bhd di Bandar Puteri Jaya, Sungai Petani. Beliau telah menyantuni serta beramah mesra dengan empat belas (14) veteran ATM dan isteri yang sedang menjalani rawatan dialisis di pusat rawatan tersebut. Seterusnya, YB Timbalan Menteri Pertahanan mendirikan solat Jumaat di Masjid Al-Irsyad, Tempoyak Mukim Bujang, Merbok dan beramah mesra dengan Ahli Jawatankuasa masjid di dalam satu jamuan selepas selesai solat Jumaat.

YB Timbalan Menteri Pertahanan kemudiannya meluangkan masa mengunjungi usahawan veteran ATM tidak berpencen, Encik Abdul Nazir bin Assan berusia 41 tahun di alamat No 28B Jalan Bujang Saujana 2, Taman Lembah Bujang, Merbok. Veteran merupakan seorang bekas anggota tentera berpangkat Sarjan, kini merupakan usahawan bengkel motosikal *Nazir Motor Service*. Veteran mempunyai 4 orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Ismaliza binti Ibrahim yang berusia 42 tahun yang merupakan veteran ATM berpencen dan kini membantu suaminya mengusahakan bengkel motosikal tersebut.

Seterusnya, YB Timbalan Menteri Pertahanan mengunjungi usahawan veteran ATM berpencen iaitu En Sumadi bin Katin berusia 56 tahun di alamat No 91 Jalan Lembah Bujang 2, Taman Lembah Bujang, Bedong. Veteran merupakan seorang bekas anggota tentera berpangkat Staf Sarjan, kini merupakan usahawan kedai runcit Madi Barakah. Veteran mempunyai 4 orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Norizan binti Daud yang berusia 59 tahun.

Lawatan diteruskan ke rumah veteran ATM asnaf di alamat Lot 2064 & 2067, Kampung Sungai Baru, Mukim Bujang, Bedong iaitu Encik Nayan bin Hashim berusia 72 tahun merupakan seorang bekas tentera berpangkat Koperal dan berpencen. Veteran menghidap penyakit darah tinggi dan kolestrol serta mempunyai seorang anak OKU Mental berusia 39 tahun. Veteran yang kematian isteri telah disyorkan sebagai penerima BSH berjumlah RM300.00 sebulan.

Lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan diakhiri dengan sesi dialog bersama sembilan belas (19) Persatuan Veteran ATM Negeri Kedah di Merbok. Pada majlis tersebut, YB Timbalan Menteri Pertahanan juga tidak ketinggalan menyerahkan sumbangan 500 bakul Rahmah kepada Persatuan Veteran ATM negeri Kedah untuk diagihkan kepada veteran ATM.

PPV adalah merupakan antara inisiatif madani Kementerian Pertahanan dalam merealisasikan pelaksanaan dan halatuju Kertas Putih Pertahanan (KPP). PPV akan memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan Veteran ATM terhadap keamanan dan keselamatan negara. Melalui program ini, lebih ramai Veteran ATM yang terkesan dapat disantuni bagi mendengar sebarang luahan mereka secara bersemuka. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang tercicir daripada menerima insentif yang disediakan.

Sebarang pertanyaan berkaitan lawatan boleh hubungi Pegawai Staf 2 Media (Udara), Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan Malaysia, Mejar Ezrie Haniff bin Yusoff TUDM di talian 017-254 0477 atau Timbalan Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV, Encik Muhammad Izzat Siraj bin Mohd Ilyas Zainal Ravi di talian 017-965 3755.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

7 Jul 2023